

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (54)

19 Mei 2021

PEKELILING PELAJAR BIL. 9/2021

ARAHAN TERKINI BERKAITAN PERGERAKAN PELAJAR BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa *Emergency Response Team* (ERT) dan Jawatankuasa Pergerakan Pelajar yang bermesyuarat pada 19 Mei 2021 telah mengambil maklum situasi semasa kes penularan COVID-19 di dalam kampus UTM Johor Bahru dan pengumuman Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di UTM Johor Bahru berkuat kuasa mulai **21 Mei hingga 3 Jun 2021**.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa perubahan arahan yang akan dilakukan seperti berikut:

- (i) **Kebenaran** kepada pelajar untuk **keluar masuk kampus** secara terkawal dari jam 12 tengah hari hingga jam 6 petang seperti mana yang dinyatakan dalam Pekeliling Pelajar Bil. 8/2021 adalah **DIBATALKAN berkuat kuasa 20 Mei 2021**. Sehubungan itu semua pelajar adalah **TIDAK DIBENARKAN** keluar masuk kampus bermula **20 Mei 2021**.
- (i) **Sekatan pergerakan** bagi tiga kolej kediaman iaitu di **Kolej Tun Hussein Onn (KTHO), Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)** dan **Kolej Datin Seri Endon (KDSE)** yang sebelum ini berkuat kuasa dari 9 hingga 19 Mei 2021 seperti mana dalam Pekeliling Pelajar Bil. 8/2021 adalah **DILANJUTKAN** sehingga **20 Mei 2021**. Walau bagaimanapun, bermula **21 Mei hingga 3 Jun 2021** keseluruhan kampus UTM Johor Bahru merangkumi Kolej Tun Hussein Onn (KTHO), Kolej Tun Dr Ismail (KTDI) dan Kolej Datin Seri Endon (KDSE) adalah tertakluk kepada arahan PKPD di bawah MKN.
- (ii) **Perkhidmatan *food delivery*** masih boleh diteruskan **sehingga 20 Mei 2021** jam **10.00 malam** sahaja.


Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Sekian.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉ : shamsul@utm.my

s.k. : Naib Canselor
: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
: Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
: Pendaftar
: Pengarah, Bahagian Keselamatan